



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: [aduan@rurallink.gov.my](mailto:aduan@rurallink.gov.my) | [webmaster@rurallink.gov.my](mailto:webmaster@rurallink.gov.my)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

# **E-KERATAN AKHBAR HARIAN**

**TARIKH : 18 JANUARI 2019**

**RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11 (05)**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

18 JANUARI 2019

HALAMAN:

ONLINE

Utusan  
MALAYSIA

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報  
NANYANG SHANG PAO

東方日報  
Oriental Daily News

Utusan  
Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH  
TIMES   
Sabah's First Established Paper

RM200 juta diperuntuk bangun 1,583 rumah PPRT

# Bina rumah rakyat termiskin

Oleh MUHAMMAD AYMAN  
GHAFFA

**P**UTRAJAYA - Sebanyak 1,583 rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) akan dibina di seluruh negara pada tahun ini dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM200 juta.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, sistem industri bangunan (IBS) akan digunakan untuk membangunkan projek berkenaan berikutan kaedah itu dapat mengurangkan kos pembinaan selain menitikberatkan aspek kualiti tanpa mengurang saiz kediaman.

Jelasnya, lebih 10,000 rumah PPRT juga akan dibaik pulih dengan melibatkan kerjasama pelajar Pusat

Latihan Giat Mara pada tahun ini.

"Langkah-langkah daripada kerajaan ini bagi memastikan penerima memperoleh manfaat meskipun peruntukan bagi PPRT menurun bagi tahun ini berbanding 2018.

"Kami mahu pendekatan kreatif dan inovatif agar warga luar bandar dapat terus merasai limpahan manfaat dengan pemantauan rapi terhadap setiap projek-projek pembangunan luar bandar," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2019 Kementerian Pembangunan Luar Bandar di sini semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPLB, Datuk Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus.

Sementara itu, Rina tu-

rut berkata, pembasmian kemiskinan luar bandar dan pemantauan projek bermasalah merupakan antara enam fokus cabaran pihak kementerian pada tahun ini.

Katanya, sebanyak RM5.421 bilion yang melibatkan 584 projek dilaksanakan pada tahun ini akan dipantau menerusi kajian impak bagi memastikan setiap inisiatif dirangka memenuhi keperluan masyarakat desa.

"Ini sejajar bagi mengelakkan sebarang pembaziran dan ketirisan wang rakyat.

"Kami juga memberi tumpuan pembangunan kepada 28 daerah dengan pendapatan purata kurang RM4,000 sebulan yang akan dimulakan dengan empat daerah di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah," katanya.



RINA (tengah) menyampaikan Sumbangan Wira Merah kepada abang anggota bomba yang maut dalam satu kejadian di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafeld, USJ25, Subang Jaya, Muhammad Adib Mohd. Kassim pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2019 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Putrajaya semalam.

TARIKH:

18 JANUARI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BERNAMA.COM



Pastikan Benar  
Bernama.com

AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCANA+ DUNIA+ WEBTV INFOGRAFIK ARKIB

LAMAN MIKRO : Perbankan & Kewangan | Kesihatan | Hartanah | Gaya Hidup | eBiz | Berita

## KPLB rangka 66 program berdasarkan enam teras utama bagi pembangunan luar bandar

Tarikh kemaskini: 17/01/2019



PUTRAJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar

Pembangunan Luar Bandar. Bandar (KPLB) merangka 66 program atau projek yang akan diberi keutamaan pada tahun ini berdasarkan enam teras di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar.

Menterinya Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata ia meliputi Prasarana (10 program), Ekonomi (lapan program), Keusahawanan (14 program), Modal Insan (sembilan program), Wanita (sembilan program) dan Sistem Penyampaian (16 program).

"Untuk itu, KPLB diberikan peruntukan pembangunan RM5.421 bilion tahun ini bagi menjayakan program-program berkenan, yang melibatkan 584 projek," katanya pada Majlis Amanat Tahun Baru KPLB di sini hari ini.

Rina berkata KPLB juga telah mengenal pasti enam cabaran atau isu utama yang perlu diberi keutamaan bagi memastikan setiap program yang dirangka dapat dilaksana sebaik mungkin bagi mengelakkan pembaziran dan ketirisan.

"Cabaran-cabaran ini adalah pembasmian kemiskinan luar bandar terutamanya di 28 daerah yang dikenalpasti yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 sebulan, dan kepentingan melaksana kajian outcome impak selepas sesuatu program.

"Lain-lain cabaran adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan di luar bandar memandangkan tidak semua orang boleh atau berminat untuk menjadi usahawan; isu keciciran pelajar di luar bandar; 'big data analysis' bagi mendapatkan akses data yang mudah serta cepat; dan pemantauan projek bermasalah," katanya.

Rina berkata selain program-program prasarana utama seperti pembinaan jalan, bekalan air dan elektrik di luar bandar, tahun ini KPLB juga akan membina 11 premis baharu dan menaik taraf 488 premis taska dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Selain itu, katanya projek perumahan mampu milik di bawah agensi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dengan sasaran 540 buah rumah serta Projek Pemajuan Kawasan yang melibatkan 15 projek, akan dilaksanakan pada tahun ini.

Katanya beliau juga berharap program ekonomi yang dirangka pada tahun ini seperti Pembangunan Belia Luar Bandar, Program Peningkatan Pendapatan Prospek, Program Rural Tourism @KPLB dan Pembangunan Premis Ekonomi Luar Bandar, dapat membantu membasmi kemiskinan seramai 85,273 ketua isi rumah di luar bandar di bawah kategori miskin dan miskin tegar.

Sementara itu, Rina berkata Karnival Keusahawanan Desa pada tahun ini akan dimulakan dengan jelajah KUD di Terengganu pada April, Kedah (Jun), Sabah (Ogos) dan acara kemuncaknya di Lembah Klang pada Oktober.

Bagi pembangunan modal insan pula, antara program utama adalah Skim Pinjaman Pendidikan MARA yang akan memberi manfaat kepada 50,147 orang pelajar melalui peruntukan RM2 bilion, katanya.

-- BERNAMA



TARIKH:

18 JANUARI 2019

HALAMAN:

ONLINE

SINAR HARIAN  
ONLINE



## KPLB rangka 66 program diberi keutamaan

17 Jan 2019



Rina Mohd Harun

PUTRAJAYA - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) merangka 66 program atau projek yang akan diberi keutamaan pada tahun ini berdasarkan enam teras di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, ia meliputi Prasarana (10 program), Ekonomi (lapan program), Keusahawanan (14 program), Modal Insan (sembilan program), Wanita (sembilan program) dan Sistem Penyampaian (16 program).

"Untuk itu, KPLB diberikan peruntukan pembangunan RM5.421 bilion tahun ini bagi menjayakan program-program berkenan, yang melibatkan 584 projek," katanya pada Majlis Amanat Tahun Baru KPLB di sini hari ini.

Rina berkata KPLB juga telah mengenal pasti enam cabaran atau isu utama yang perlu diberi keutamaan bagi memastikan setiap program yang dirangka dapat dilaksanakan sebaik mungkin bagi mengelakkan pembaziran dan ketirisan.

"Cabaran-cabaran ini adalah pembasmian kemiskinan luar bandar terutamanya di 28 daerah yang dikenalpasti yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 sebulan, dan kepentingan melaksana kajian outcome impak selepas sesuatu program.

"Lain-lain cabaran adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan di luar bandar memandangkan tidak semua orang boleh atau berminat untuk menjadi usahawan; isu keciciran pelajar di luar bandar; 'big data analysis' bagi mendapatkan akses data yang mudah serta cepat; dan pemantauan projek bermasalah," katanya.

Rina berkata, selain program-program prasarana utama seperti pembinaan jalan, bekalan air dan elektrik di luar bandar, tahun ini KPLB juga akan membina 11 premis baharu dan menaik taraf 488 premis taska dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Selain itu, katanya projek perumahan mampu milik di bawah agensi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) dengan sasaran 540 buah rumah serta Projek Pemajuan Kawasan yang melibatkan 15 projek, akan dilaksanakan pada tahun ini.

Katanya, beliau juga berharap program ekonomi yang dirangka pada tahun ini seperti Pembangunan Belia Luar Bandar, Program Peningkatan Pendapatan Prospek, Program Rural Tourism @KPLB dan Pembangunan Premis Ekonomi Luar Bandar; dapat membantu membasmi kemiskinan seramai 85,273 ketua isi rumah di luar bandar di bawah kategori miskin dan miskin tegar.

Sementara itu Rina berkata, Karnival Keusahawanan Desa pada tahun ini akan dimulakan dengan jelajah KUD di Terengganu pada April, Kedah (Jun), Sabah (Ogos) dan acara kemuncaknya di Lembah Klang pada Oktober.

Bagi pembangunan modal insan pula, antara program utama adalah Skim Pinjaman Pendidikan Mara yang akan memberi manfaat kepada 50,147 orang pelajar melalui peruntukan RM2 bilion, katanya. - Bernama

TARIKH:

18 JANUARI 2019

HALAMAN:

ONLINE

SINAR HARIAN  
ONLINE

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan  
Borneo


THE BORNEO POST

NEW SABAH  
TIMES

Sinar TELE & RUKUK  
Berita Edisi Bisnes Global Hiburan Sisipan Siasat Kolumnis Video Pod  
umaat | 18 Januari 2019

## KPLB serah sumbangan RM8,437 kepada keluarga Muhammad Adib

NURUL RIDUAN NOR ASHAHA | 17 Jan 2019



إنا لله وإنا اليه راجعون  
Muhammad Adib Mohd Kassim

**A+ A+**

PUTRAJAYA - Keluarga wira Bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim yang terkorban selepas insiden rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman, USJ November tahun lalu mendapat perhatian Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun hari ini menyampaikan sumbangan sebanyak RM8,437 melalui Tabung Wira Merah PB Muhammad Adib KPLB yang ditubuhkan sejak 20 Disember lalu.

Sumbangan itu disampaikan dalam Majlis Amanat Tahun Baru KPLB 2019 kepada abang Muhammad Adib, Muhammad Asraf.

Hadir sama dalam majlis itu adalah wakil Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Mohammad Hamdan Wahid dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, Aziz Osman.

"Ia ditubuhkan bagi meringankan bebanan keluarga Allahyarham dan juga bagi menghargai segala jasa dan pengorbanan Allahyarham bersama Jabatan Bomba Malaysia.

"Sumbangan yang melibatkan semua bahagian, unit, agensi di bawah KPLB telah berjaya mengumpul jumlah keseluruhan sebanyak RM8,437," kata kenyataan media KPLB, hari ini.

Muhammad Adib yang cedera parah dipukul perusuh meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN), 17 Disember lalu.

Jenazah Muhammad Adib dikebumikan di tanah perkuburan Masjid As-Saadah, Kampung Tebengau, Kuala Kedah, keesokan harinya.